

06/06/1999

Pemulihan ekonomi diurus dengan bijaksana

DALAM perutusan khas sempena hari keputeraannya menerusi RTM malam kelmarin, Yang di-Pertuan Agong berkata pemulihan ekonomi negara yang ketara sekarang membuktikan ia diurus dengan bijak dan baik oleh kerajaan yang ada sekarang.

Ketika menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia di majlis menghadap dan pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara di sini, semalam pula Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejayaan negara menangani kegawatan ekonomi tidak akan tercapai tanpa pengorbanan, kesabaran, sokongan dan kepercayaan penuh rakyat terhadap kerajaan.

Hakikat kerajaan menangani masalah ekonomi dengan berkesan sekali memang tidak boleh dinafikan sama ada dari dalam atau luar negara. Walaupun sesetengah langkah kerajaan dianggap oleh pihak tertentu sebagai tindakan "menentang arus", namun jawapannya sudah diketahui hari ini. Dengan sokongan padu rakyat, petanda pemulihan sudah dilihat sedikit demi sedikit. Dengan sokongan rakyat yang berterusan, Malaysia akan keluar dari segala kemelut ekonomi dalam jangka masa terdekat ini. Dengan itu, segala rancangan kerajaan sebelum ini untuk meningkatkan taraf hidup rakyat akan dapat ditunaikan.

Langkah kerajaan yang berani itu mendapat sanjungan institusi dan organisasi berwibawa dari seluruh dunia. Mereka yang dahulunya mengecam langkah kerajaan, hari ini mengakui andaian mereka adalah meleset. Parti pembangkang tidak memberi sebarang sumbangan ke arah pemulihan ekonomi. Malah, disebabkan tindakan mereka melemparkan pelbagai tuduhan liar, ada kalanya, usaha kerajaan mempercepatkan pemulihan ekonomi terbantut. Kerajaan sebelum ini bukan saja mendapat kecaman pihak asing, malah parti pembangkang cuba memburuk-burukkannya. Tujuan parti pembangkang adalah jelas kerana jika masalah ekonomi bertambah buruk, bermakna kerajaan perlu ditukar. Di sesetengah negara, masalah ekonomi menjadi punca kejatuhan kerajaan.

Itulah juga sebabnya kebelakangan ini pembangkang tidak lagi membangkitkan isu ekonomi sebagai agenda politik mereka. Sebaliknya, parti politik pembangkang cuba mengalih perhatian rakyat dengan membangkitkan beberapa isu remeh yang lain. Sebelum ini isu ekonomi digembar-gemburkan, terutama ketika negara dihimpit pelbagai masalah. Isu itu dijadikan keutamaan untuk mengecam kerajaan. Kerajaan dikatakan tidak pandai menguruskan ekonomi dan parti pembangkang kononnya begitu bimbang rakyat akan menderita. Yang sebenarnya berlaku terhadap ekonomi negara berikutan manipulasi spekulator mata wang di pasaran, cuba mereka sembunyikan. Sebaliknya, isu nepotisme dan kronisme, dijaja ke merata tempat, semata-mata untuk memburuk dan menunjukkan kelemahan kerajaan. Ketika itu pembangkang dianggap mempunyai kelebihan untuk mengkritik kerajaan. Namun, kerajaan sedikit pun tidak mengaku kalah untuk menegakkan kebenaran, malah terus berusaha untuk membaiki keadaan. Dalam tempoh kurang dua tahun, keadaan sudah hampir kepada sedia kala. Malah, janji kerajaan kepada rakyat mula ditunaikan.

Dalam hal mengatasi kegawatan ekonomi, kerajaan mempunyai kelebihan kerana gejala buruk yang berlaku itu bukanlah berpunca daripada kelemahan atau angkara kerajaan. Ia berpunca daripada tindakan pihak spekulator mata wang asing cuba menekan mata wang negara dengan matlamat untuk membuat untung. Selepas beberapa negara jiran dijadikan mangsa, mereka mengalih

perhatian kepada Malaysia. Pada peringkat awal mereka berjaya memporak-perandakan kerajaan tetapi sekarang kebenaran sudah dapat disingkap. Selagi rakyat menyokong kerajaan, segala masalah dapat diuruskan dengan berkesan.

(END)